

Mahathir berharap takraw ke Olimpik

UM - 6 DEC 1988

KUALA LUMPUR 5
Dis. — Perdana
Menteri, Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini merasmikan Kejohan-
an Sepaktakraw Sedunia
MAS-Utusan Malaysia-
RTM 1988 dengan penuh
harapan agar sukan itu
terus berkembang ke se-
luruh pelosok dunia dan
menjadi salah satu acara
di Sukan Olimpik.

Katanya, kegemilangan sepaktakraw di kacamata dunia sekarang ini adalah hasil daripada usaha gigih MAS dan Utusan yang memelopori pertandingan sukan itu di peringkat antarabangsa.

Kejohanan sepaktakraw ini mula dianjurkan oleh MAS dan Utusan Malaysia pada tahun 1985. Pada tahun 1986 RTM turut serta sebagai penganjur.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini, ramai yang berpendapat sepaktakraw hanya boleh berkembang di negara ini sahaja, tetapi usaha gigih

penganjur melaksanakan pertandingan itu membuktikan kini permainan itu berkembang maju dengan luasnya.

"Hari ini, dengan adanya kejohanan yang dianjurkan oleh MAS-Utusan Malaysia-RTM, bukan sahaja ia menjadi satu acara terpenting di Malaysia, ia juga berkembang ke Amerika Syarikat dan Great Britain," katanya disambut dengan tepukan gemuruh oleh kira-kira 12,000 peminat sepaktakraw yang memenuhi Stadium Negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa walaupun sepaktakraw baru diperkenalkan ke Amerika dan Britain dan para pemainnya belum handal, namun mereka sedang mempertingkatkan kemampuan masing-masing.

Sehubungan dengan itu, beliau mengingatkan pasukan Malaysia jangan memandang ringan permainan yang berasal di negara sendiri kerana bimbang sepaktakraw akan dikuasai oleh negara lain kelak.

"Saya khawatir Malaysia akan tertinggal di belakang apabila sukan ini semakin popular nanti."

"Jangan fikir kerana permainan ini ciptaan kita, kita boleh kekal sebagai johan atau naib johan selama-lamanya," katanya memberi ingatan.

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR HARAP TAKRAW KE OLIMPIK

Menurut Perdana Menteri, pengenalan sepaktakraw di kaca mata dunia yang dihasilkan melalui Kejohanan Sepaktakraw MAS-Utusan Malaysia-RTM amat membanggakan negara kerana sukan itu merupakan satu-satunya yang berasal dari negara ini.

Kepada para pemain, Perdana Menteri meminta mereka mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi walaupun matlamat utama ialah meraih kemenangan.

"Walaupun kita bertanding untuk menang, tetapi semangat kesukanan juga perlu. Dengan itu barulah ia dapat berkembang lebih pesat dan satu hari nanti ia menjadi satu acara di Sukan Olimpik," katanya.

Sebaik sahaja Perdana Menteri merasmikan kejohanan tersebut, paluan rebana ubi telah berkumandang dan para hadirin sekali lagi memberikan tepukan dan sorakan gemuruh menandakan sokongan padu mereka.

Upacara pembukaan turut dimeriahkan oleh dua orang penyanyi sensasi negara, Fairuz Hussein dan Jamal Abdillah yang mendendangkan beberapa buah lagu popular.

Persembahan mereka telah diiringi oleh cahaya laser yang memberikan

lagi suasana dalam stadium.

Terdahulu dari itu perbarisan lintas hormat yang disertai oleh para pengadil kejohanan dan peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Mereka diiringi oleh 11 orang gadis jelita yang memakai baju kebangsaan negara-negara regu antarabangsa yang dijemput untuk bertanding.

Pasukan Thailand adalah juara bertahan untuk regu antarabangsa manakala Amerika Syarikat pula merupakan penyandang juara untuk regu jempunan antarabangsa.

Pemain terbaik untuk Kejohanan Sepaktakraw MAS-Utusan Malaysia-RTM 1987, Norani Adnan telah mengetuai para peserta lain melafaz ikrar.

Selepas itu, Perdana Menteri telah diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan yang bertanding dan menyampaikan cenderamata kepada mereka.

Upacara pembukaan kami berakhir dengan persembahan tarian kebudayaan oleh Kumpulan Kebudayaan MAS sebelum perlawanan yang dinanti-nantikan oleh peminat sepaktakraw tanahair iaitu pertemuan regu Malaysia 'B' dengan juara menanti Thailand dimulakan.